

KHUTBAH 1

**KHUTBAH KHAS SEMPENA GERHANA BULAN PENUH/ SEPARA
26 MEI 2021 M / 14 SYAWAL 1442 H**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ¹،

أَلَمْ تَرَ إِلَىٰ رَبِّكَ كَيْفَ مَدَّ الظِّلَّ وَلَوْ شَاءَ لَجَعَلَهُ سَاكِنًا ثُمَّ جَعَلْنَا الشَّمْسَ عَلَيْهِ دَلِيلًا
ثُمَّ قَبَضْنَاهُ إِلَيْنَا قَبْضًا يَسِيرًا ﴿٤٥﴾

Bermaksud : " Tidakkah engkau melihat kekuasaan Tuhanmu? - bagaimana Ia menjadikan bayang-bayang itu terbentang (luas kawasannya) dan jika Ia kehendaki tentulah Ia menjadikannya tetap (tidak bergerak dan tidak berubah)! Kemudian Kami jadikan matahari sebagai tanda yang menunjukkan perubahan bayang-bayang itu. Kemudian Kami tarik balik bayang-bayang itu kepada Kami, dengan beransur-ansur."²

(Surah al-Furqan : ayat 44-45)

¹ Memuji Allah

² Ayat al-Quran

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
 اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
 بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ،³
 أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
 مُسْلِمُونَ⁴

Daripada Saiditina Aisyah Radiyallahu Anha :

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَاتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ ، لَا يَخْسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ
 وَلَا لِحَيَاتِهِ ، فَإِذَا رَأَيْتُمُوهَا فَافْزَعُوا لِلصَّلَاةِ "

Terjemahan: " Bahawasanya Matahari dan Bulan itu dua tanda daripada segala tanda- tanda yang menunjukkan Keesaan dan Kekuasaan Allah taala. Tiada gerhana keduanya kerana mati seseorang atau hidupnya, maka apabila kamu lihat akan demikian itu, maka hendaklah kamu sembahyang hingga hilang hilang gerhana".

(Riwayat Imam Muslim)

³ Selawat ke atas Nabi.

⁴ Pesan Taqwa

Sidang Jemaah sekalian,

Pada malam ini 15 Syawal, kita diperlihatkan sekali lagi dengan kejadian gerhana bulan yang merupakan tanda kebesaran Allah Subhanahu wa taala. Berbetulan pula ia berlaku pada saat umat Islam masih berada di bulan Syawal, bulan yang penuh dengan keberkatan yang disambut dengan rasa taqwa, bekal dari bulan Ramadan yang baru saja berlalu meninggalkan kita.

Sebelum khatib meneruskan khutbah, ingin khatib memberikan gambaran umum kejadian gerhana yang dapat kita lihat pada malam ini. Gerhana bulan ini telah dapat kita saksikan bermula seawal masuknya waktu maghrib dan akan tamat keseluruhannya pada jam pada jam 9.52 malam. Pada malam ini, ketika gerhana berada di kemuncaknya iaitu selepas Maghrib, bulan akan kelihatan berwarna merah kehitaman kesan jatuhnya bayang bumi ke atas bulan. Namun sedikit demi sedikit, warna cahaya bulan akan kembali pulih seperti biasa hinggalah pada jam 8.52 malam. Semua ini dapat kita saksikan pada malam ini, di bahagian langit timur ketika bulan mulai terbit dan matahari telah terbenam.

Sidang Jemaah Sekalian,

Dalam ilmu falak, gerhana bulan berlaku apabila bayang bumi yang dinamakan sebagai umbra jatuh ke atas bulan. Ini bermakna bulan yang sepatut bersinar terang pada malam 15 Syawal ini, akan berubah gelap

ketika gerhana. Memaknai satu fenomena alam hingga mampu memanfaatkannya untuk manfaat hidup dan menambah keyakinan kita pada Allah Subhanahu Wa Taala adalah satu amalan manusia yang disebut sebagai Ulul Albab. Jika kita perhatikan fakta ini, memberikan satu pengajaran besar pada kita, bahawa ketika Allah Subhanahu Wa Taala mahu menunjukkan kebesarannya, kadang-kadang cukuplah hanya mengirimkan makhluknya yang dipandang dhaif dan lemah. Makhluk yang bernama bayang, mungkin tidak pernah dipandang hebat dengan cahaya bulan yang terang pada malam hari. Namun dengan bayang, Allah Subhanahu Wa Taala menutup bulan hingga gelap seketika.

Sebagai satu perbandingan hari ini, bagaimana Allah Subhanahu Wa Taala menghantar virus covid 19, yang sangat halus. Sebagai perbandingan halusnya rambut manusia berukuran dalam 50 hingga 180 mikrometer, namun virus covid 19 ini tidak sampai pun 1 mikrometer. Namun bagaimana setelah 1 tahun lebih kita berdepan dengan virus covid 19, kesannya bukan alang kepalang. Bukan saja kesihatan terjejas, malahan ekonomi, kehidupan seharian hingga satu tahap ibadat yang menjadi wajib pun terpaksa ditangguhkan kerana darurat. Begitulah hebatnya kesan makhluk Allah Subhanahu Wa Taala yang sangat halus ini.

Begitu juga dalam suasana yang masih segar dalam ingatan kita, bagaimana sahabat dan saudara kita yang berada di Palestin khususnya di Ghazza, bertempur dengan negara haram Zionis Yahudi Israel. Jika perbandingan dibuat dari sudut luas negara haram Israel, ia jauh lebih

besar dari wilayah Ghazza. Malah kekuatan tentera negara haram Israel dikatakan berada dalam 20 yang terkuat di dunia berbanding dengan Palestin. Namun dengan izin Allah Subhanahu Wa Taala, perang yang berlaku hampir 2 minggu itu, masih belum mampu menghancurkan negara Palestin khususnya wilayah Ghazza yang diwakili Briged al-Qassam.

Ingatlah para jemaah sekalian, bagaimana burung Ababil yang pernah menghancurkan tentera gajah Abrahah, tidakkah kita baca kisah Raja Namrud yang mati dengan serangan nyamuk, tidakkah kita ingat kerajaan Firaun pernah kacau bilau dengan katak dan belalang. Semua ini menunjukkan bagaimana kekuatan dan kebijaksanaan Allah Subhanahu Wa Taala dalam satu-satu perkara.

Sidang Jemaah sekalian,

Maka dengan peristiwa gerhana yang berlaku pada malam ini, kita semua kembali bersujud menyembah Allah Subhanahu Wa Taala dan menjunjung sunnah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Maka khatib ingin berkongsi beberapa perkara penting, pengajaran dari gerhana malam ini sesuai dengan suasana kita masih berdepan pandemik covid 19 dan keyakinan kita terhadap kekuatan Islam :

1. Janganlah kita sekali-kali sombong dengan kekayaan, ketinggian dan kekuasaan yang kita miliki hari ini kerana Allah Subhanahu Wa Taala boleh

dengan pelbagai cara dan masa menyebabkan kita jatuh terperosok ke bawah ke lembah kehinaan.

2. Janganlah kita merasa rendah diri dengan apa yang dipandang manusia sebagai lemah, namun yakinlah dengan pandangan Allah Subhanahu Wa Taala. Dengan usaha yang bersungguh-sungguh dan tawakal yang bulat pada Allah Subhanahu wa taala, maka kejayaan dan kemenangan yang hakiki pasti akan kita perolehi.

3. Janganlah kita memandang remeh setiap perbuatan baik atau jahat yang kecil, kerana kita sendiri tidak tahu apakah kerana perbuatan baik itu menyebabkan kita ke syurga atau perbuatan jahat yang kecil itu sebab ke neraka.

Moga peristiwa gerhana ini berupaya meinsafkan kita tentang kekuasaan Allah Subhanahu wa taala dan kita akan tergolong dalam golongan yang digelar Ulul Albab.

بَارِكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH 2

**KHUTBAH KHAS SEMPENA GERHANA BULAN PENUH/ SEPARA
26 MEI 2021 M / 14 SYAWAL 1442 H**

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِأَهْدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ
وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا⁶

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَذُخْرِنَا وَقُدُوتِنَا وَأُسُوتِنَا مُحَمَّدٍ إِمَامِ
الْمُتَّقِينَ وَقَائِدِ الدُّعَاةِ الْمُجَاهِدِينَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ سَارَ عَلَى نَهْجِهِ
وَجَاهَدَ جِهَادَهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ.⁷

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.⁸

Khatib menyeru para Jemaah agar tetap teguh berpegang kepada Aqidah
Ahli Sunnah Wal Jamaah, yang menjadi warisan Rasulullah Sallallahu Alaihi

⁵ Memuji Allah

⁶ Ayat al-Quran

⁷ Selawat Ke Atas Nabi.

⁸ Pesan Taqwa

Wasallam, para sahabat dan tabiin hinggalah ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah dan sesama manusia, makmurkan rumah-rumah Allah dan rumahtangga kita dengan ibadah solat, alunan al-Quran dan zikir.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁹، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ
اللَّهِ ﷺ.

Allahumma, berkatikah hamba-hambamu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan waqaf, kurniakan mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fuqara* dan *masakin* dari kekufuran, serta lindungilah mereka daripada kefakiran yang berpanjangan. Allahumma, peliharalah kami dari fitnah akhir zaman, lindungilah kami dari azab kubur yang menggerunkan dan azab neraka yang sangat mengerikan. Sebaliknya engkau kurniakan kami di dunia dan di akhirat limpahan kebaikan, jadikanlah kubur-kubur kami, taman-taman syurgamu yang mendamaikan, dan masukkanlah kami dalam syurga firdhaus yang tertinggi bersama kekasih kami Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Nabi Akhir Zaman.

⁹ Doa Untuk Kaum Muslimin

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ خُصُوصًا فِي
 فَلَسْطِينَ، وَفِي كُلِّ مَكَانٍ وَفِي كُلِّ زَمَانٍ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ،
 خُصُوصًا وَيَرُوسَ الْكُورُونَا، وَالْعَلَاءَ، وَالْمِحْنَ، وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ،
 عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بُلْدَانِ عَامَّةً

Allahumma, Kurniakan taufiq dan hidayahmu ke atas Raja kami, Duli Yang
 Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin
 Muizzuddin Shah Ibni al-Marhum Sultan Azlan Muhibbudin Shah al-
 Maghfur Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim
 serta kerabat di raja dan pemimpin negeri serta rakyat jelata.

رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ.
 رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ، وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
 الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. وَادْكُرُوا اللَّهَ يَذْكُرْكُمْ
 وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ.
 وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.